


# Indahnya Hidup Bersyariat (Panduan Fardhu Ain Lengkap Bergambar)

*Ismail Kamus , Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid*

Download now

Read Online

# Indahnya Hidup Bersyariat (Panduan Fardhu Ain Lengkap Bergambar)

*Ismail Kamus , Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid*

**Indahnya Hidup Bersyariat (Panduan Fardhu Ain Lengkap Bergambar)** Ismail Kamus , Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid
Isi buku INDAHNYA HIDUP BERSYARIAT ini merupakan panduan untuk diri sendiri (fardu ain), seisi keluarga, masyarakat dan umat sejagat (fardu kifayah). Ia merangkumi syariat ketika kelahiran, fardu ain kanak-kanak, penekanan pendidikan remaja, hukum-hakam muamalat (jual beli), munakahat (nikah kahwin dan rumah tangga) serta amalan zikir, doa dan adab. Semua ilmu bersumberkan al-Quran dan hadis sahih.

## Indahnya Hidup Bersyariat (Panduan Fardhu Ain Lengkap Bergambar) Details

| | | |
|---|---|---|
| Date | : | Published March 2009 by Telaga Biru |
| ISBN | : | |
| Author | : | Ismail Kamus , Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid |
| Format | : | Hardcover 308 pages |
| Genre | : | Religion, Reference, Islam, Nonfiction |

**Download** Indahnya Hidup Bersyariat (Panduan Fardhu Ain Lengkap B ...pdf

**Read Online** Indahnya Hidup Bersyariat (Panduan Fardhu Ain Lengkap ...pdf

**Download and Read Free Online Indahnya Hidup Bersyariat (Panduan Fardhu Ain Lengkap Bergambar) Ismail Kamus , Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid**

# From Reader Review Indahnya Hidup Bersyariat (Panduan Fardhu Ain Lengkap Bergambar) for online ebook

## Laila Mahfol says

Dapat buku ini sebagai hadiah dari seorang ayah kepada anaknya, sangat bermakna buat saya.

Buku ni banyak membantu saya dalam membaiki dan menambahkan lagi ilmu fardhu ain & kifayah.

Ayah saya juga menjadikan buku ini sebagai bahan rujukan utama di dalam usrah utk kami sekeluarga.

Sangat berbaloi utk dimiliki.

May Allah bless and keep the faith.

---

## ???? ?????? says

I recommend this book to all families to have this book in every house. This book is an essential knowledge in Islam.
(Saya mencadangkan buku ini kepada semua keluarga supaya mempunyai sebuah buku ini dalam setiap rumah. Buku ini menerangkan ilmu fardhu ain dalam Islam).

---

## Wannik says

?????? ?????
Saya baru hari ini membeli buku ini untuk menghadiahkan kepada anak saya. Memang menarik dan sangat berguna buku ini. Syabas diucapkan kepada Dato' Ismail kamus, Mohd Azrul Ab. Hamid dan penerbit.
Sedikit komen dan teguran dari saya ialah berkenaan foto pada muka surat 88 iaitu foto Rukuk serta Tamakninah. Saya dapati aksi tersebut kurang sempurna. Kepala tidak sama rata dengan belakang, agak terkebawah sedikit dan mata tidak memandang tempat sujud tetapi memandang kaki. Aksi rukuk beginilah yang sering saya tegur anak saya dan saya risau jika anak saya melihat foto ini maka dikira perbuatannya itu sudah betul dan apa yang ditegur oleh saya salah. Saya berharap agar pada cetakan dan keluaran akan datang diperbaiki hal ini.
Sekian ??????? ??? ????

---

## ? ? nOUsha ? ? says

Every muslim should have this book for a good understanding of the basic Islamic beliefs (Aqeedah),learn the purification and the five daily prayers correctly..Learn about the permissible (Halal) and forbidden (Harm) things in Islam.also learning more about the other pillars of Islam such as Sawm(Fasting), Zakat, and Hajj (Pilgrimage)..

---

## Rdze says

baru sampai dari tunang ...haha thanks fiance

---

## Fradzar says

Buku yang sangat menarik
Value for money
Sangat2 di galakkan untuk membeli, sekurang-kurangnya sebuah rumah satu
Isinya sangat ringkas dan padat
Sesuai untuk menjadi rujukan cepat bagi mereka yang sibuk
Penjelasan disokong oleh gambar (contoh solat utk mereka yang tidak boleh berdiri dan sebagainya)

Mengandungi 7 bab

Bab 1 - Syariat Kelahiran
Bab 2- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Bab 3- Syariat Berkaitan Remaja
Bab 4 - Fardhu Ain Asas
Bab 5- Munakahat
Bab 6- Syariat Dalam Bermasyarakat
Bab 7- Syariah Sunnah Sepanjang Masa

Bonus

Di masukkan didalam buku ini beberapa jenis doa, zikir dan amalan untuk mengubati penyakit yang menjadi amalan Al-Fadhil Ust Ismail Kamus yang diajar kepada perawat-perawat Darussalam.

Juga didalam dimasukkan doa2 dalam amalan harian untuk peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian..

---

## Nor says

Bagi saya, buku ini memiliki semua yang kita perlukan sebagai seorang Muslim. Dan boleh dibaca oleh semua peringkat umur. Gambar-gambar yang digunakan adalah gambar-gambar 'real' bukan lukisan, lebih memudahkan pemahaman. Untuk anak-anak kecil pun mudah untuk menerangkang kepada mereka bila ada gambar-gambar sebegini. penerangannya juga jelas.

---

## Hariz Said says

Buku Fiqh umum yg sangat komprehensif. Orang Islam daripada umur yang awal sehingga tua boleh memanfaatkan buku ini kerana bahasa mudah yang digunakan dan gambar yang sangat interaktif. Bagus juga

untuk dibaca oleh rakyat Malaysia bukan Islam bagi memahami budaya dan tindak-tanduk kaum Melayu Muslim.

---

## Haryati Abd. Halim says

Kalaulah boleh dikatakan satu manual lengkap yang bermula dari saat kelahiran hingga detik terakhir kita dipanggil kembali menghadapnya. Segalanya diterangkan satu-persatu. Lengkap bergambar. Tentang bagaimana berdepan dengan sang Pencipta dan juga berhubung dengan sesama makhluk. Dari Rukun Iman, Rukun Islam serta adab-adab pergaulan diikuti amalan-amalan sunat yang patut kita amalkan sehari-hari. Di sini kita akan temui pelbagai doa-doa yang merupakan senjata yang paling ampuh buat kehidupan muslim juga istighfar atau bagaimana memohon keammpunan atas dosa-dosa yang tidak kita sedar atau yang kita sedari, terang mahupun tersembunyi, serta pelbagai zikir yang boleh melembutkan hati dan mendekatkan kita Padanya.

Segalanya cantik tersusun dan apa yang pastinya bergantung pada kita untuk mengamalkannya. Istiqamah! Kata kunci yang hebat. sedikit namun berterusan. Itu yang payah.

---

## Diya Nordin says

Dah menjadi satu kelaziman,
Setiap kali dalam perjalanan
Tak kiralah backpacking, travelling, holiday
Aku selalu bawa apa-apa buku dengan aku.

Balik ke KL
Sempat aku selongkar kotak-kotak buku yang belum di baca.
Langsung terjumpa dengan buku ni yang aku beli setahun yang lepas.

"Indahnya Hidup Bersyariat" - Ustaz Dato' Ismail Kamus
Dalam perjalanan; aku mula meneliti dari satu muka ke satu muka.
Masya-Allah; banyaknya yang aku lupa.
Betapa Allah telah menarik nikmat itu daripadaku
atas asbab aku sendiri yang tidak beramal dengan ilmu-Nya.

Perjalanan 8 jam dari KL - Kangar,
Terisi dengan setiap isi dalam buku ini
Dari bab fardhu-ain ke bab munakahat

Dalam jangka masa sesingkat itu,
Allah memberikan sesuatu dalam hati aku.
Mengingatkan aku tentang tanggungjawab aku di dunia ini.

> “(Ingatlah) ketika Tuhan mu berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di atas bumi (Adam). Maka jawab mereka itu : Adakah patut Engkau jadikan di atas bumi orang yang akan berbuat bencana dan menumpahkan darah sedangkan kami tasbih memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Allah berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui apa-apa yang tidak kamu ketahui.

Surah al-Baqarah 2 : 30

Manusia; dilahirkan sebagai khalifah.
Tugas hidup di dunia bukan sekadar berkerja, berkeluarga,
Tetapi juga menunaikan hak Allah ke atas kita.

Untuk masa sesingkat itu,
buku ini seolah-olah memberikan tazkirah panjang padaku.
menyedarkan aku dari lena yang panjang.

Isinya ringkas, padat dan mudah difahami.
Alhamdulillah...
Syukur ke atas Allah atas kesedaran yang diberikan-Nya.
Subhana-Allah, Maha Suci Allah
Semoga isinya memberikan manfaat kepada yang membaca.
Insya-Allah, semoga menjadi pemangkin kepada perubahanku juga.

---

## Muna Zaen says

Each guidance are presented in a concise and comprehensive way, complete with helpful images and pictures. The presentation of the facts is neat and welcoming, not at all boring. This is a book that no home should miss having it and it is a great gift for individuals and family. It is easy to just flip through to any part that need to be referred in our daily life and this book is sold extensively in many bookstores.

Here too: http://2010rantings.blogspot.com/2011...

---

## kuzzeen says

Setiap kali ada 'function', aku sefamily akan hadiahkan buku ini kepada yang berkenaan.

Kadang-kadang kita rasa fardhu ain kita dah perfect, tapi bila membelek buku ini - banyak lagi yang kita perlu perbaiki.

Dan sepatutnya setiap rumah perlukan buku ini.

---

## Izza says

Indahnya Hidup Bersyariat

Harga setiap unit (piece): RM55.00

Penulis : Dato’ Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid

Isi buku INDAHNYA HIDUP BERSYARIAT ini merupakan panduan untuk diri sendiri (fardu ain), seisi keluarga, masyarakat dan umat sejagat (fardu kifayah). Ia merangkumi syariat ketika kelahiran, fardu ain kanak-kanak, penekanan pendidikan remaja, hukum-hakam muamalat (jual beli), munakahat (nikah kahwin dan rumah tangga) serta amalan zikir, doa dan adab. Semua ilmu bersumberkan al-Quran dan hadis sahih. Teknik penyampaian buku ini ringkas dan tepat dalam bentuk carta, jadual dan rajah.

Semua doa, bacaan dan zikir boleh dibaca dan dihafal dengan mudah. Langkah amalan disampaikan mengikut turutan step by step. Media fotografi warna penuh digunakan untuk menunjukkan perkara yang realistik. Buku ini seharusnya menjadi kewajipan untuk dimiliki oleh setiap rumah, pusat sumber, sekolah dan individu.

Layari http://www.stromreaders.net/humairabooks
untuk mendapatkan naskah buku yang sangat bermanfaat ini dengan lebih mudah ^_^

---

## Nor Haniza says

Melihat sepintas lalu dan meneliti beberapa bahagian daripada buku ini, kakchik rasa ianya sebuah buku yang sangat perlu ada dalam simpanan kita dan diletakkan di tempat yang paling mudah dicapai kerana kita bakal memerlukannya untuk merujuk dalam banyak perkara.

Kakchik belum memiliki buku ini hanya membaca di Perpustakaan Dar Nur al-Zahra'. InsyaAllah akan segera mendapatkannya.

Kandungan amat mudah dibaca, persembahannya menarik kerana disertai dengan rekaletak yang kemas, grafik yang menarik, tulisannya tidak padat atau terlalu akademik. Tidak membosankan.

---

## Pengat Heroes says

Alhamdulillah (akhirnya berjaya juga dihabiskan buku ni). Buku ini pada pandangan saya berupaya menjadi panduan seisi keluarga kerana isinya merangkumi tatacara hidup bersyariat dalam seluruh aspek kehidupan sejak dari bayi hinggalah ke saat kematian. Cara penyampaian buku ini sangat ringkas, padat dan menarik, disertai dengan ilustrasi yang jelas untuk rujukan pembaca. Pada saya, ia wajar dijadikan Must-own book!!

---